

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEPULUH

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28 Mei 2001

SOALAN

YB Puan Jaya Partiban minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan: a) sama ada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga mempunyai sebarang rancangan khas untuk membantu dan melatih wanita di sektor ladang supaya mereka dapat memulakan "cottage industry". b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk mengenal pasti bilangan ibu tunggal yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa memandangkan kebanyakannya mereka tidak tahu cara untuk mendapatkan bantuan.

JAWAPAN

a) Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga berterima kasih kepada Y.B Jaya Partiban atas cadangan program bagi menggalakkan penyertaan wanita di sektor ladang untuk memulakan industri kampung. Ianya akan dikaji bersama agensi pelaksana yang berkenaan untuk menentukan sama ada cadangan itu sesuai dilaksanakan; b) Mengenai ibu tunggal yang memerlukan bantuan, Kementerian ini akan mendirikan Pusat Khidmat Wanita (PKW) di pelbagai bahagian negara dengan peruntukan berjumlah RM7 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Beberapa PKW telah pun wujud dan beroperasi pada masa ini. PKW ini antara lain, akan membantu mengenal pasti ibu tunggal yang memerlukan bantuan. Kementerian ini juga akan bekerjasama dengan Persatuan Ibu Tunggal yang ada di negeri-negeri. Sehubungan ini saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian ini tidak bertanggungjawab mengendalikan program kebajikan masyarakat bagi ibu tunggal. Ini sedia dikendalikan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. MAKLUMAT TAMBAHAN SENARAI PUSAT KHIDMAT WANITA 1. Melaka - Ditubuhkan pada 28 April 1997 Pusat Khidmat Wanita As Syifa' Negeri Melaka Anjung Seri Sakinah No. 17, Bukit Peringgit 75400 Melaka 2. Pahang - Ditubuhkan pada tahun 1996 Pusat Khidmat Sosial Setempat Perkampungan Cenderawasih 25200 Kuantan, Pahang 3. Perak - Ditubuhkan pada tahun Ogos 1998 Pusat Khidmat Wanita JKR No. 36782/58 Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 Ipoh, Perak 4. Selangor - Ditubuhkan pada tahun 1995 Pusat Khidmat Wanita Negeri Selangor Lot 3-10D, Tingkat 3 Kompleks PKNS 40000 Shah Alam, Selangor 5. Johor - Ditubuhkan pada tahun 1998 Pusat Khidmat Wanita dan Keluarga (PENAWAR) d/a Tingkat 4, Blok A, Wisma Persekutuan Jalan Ayer Molek 80000 Johor Baru, Johor 6. Pulau Pinang - Ditubuhkan pada tahun 2000 Pusat Khidmat Wanita Daerah Timur Laut Kompleks Masyarakat Penyayang, Pulau Pinang Pusat Khidmat Wanita Daerah Barat Daya Balik Pulau, Pulau Pinang Pusat Khidmat Wanita Daerah Seberang Perai Utara Jalan Butterworth, Kepala Batas Pusat Khidmat Wanita Daerah Seberang Perai Selatan Jalan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan Pusat Khidmat Wanita Daerah Seberang Perai Tengah Bukit Mertajam, Pulau Pinang 7. Kedah Pusat Khidmat Wanita Negeri Kedah d/a Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah Pejabat SUK Negeri Kedah 05503 Alor Setar, Kedah 8. Kelantan Pusat Khidmat Wanita Negeri Kelantan JKR 1030, Taman Kemumin Pengkalan Chepa 16100 Kota Baharu, Kelantan 9. Wilayah Persekutuan Labuan - Ditubuhkan pada 1998 Pusat Khidmat Wanita Wilayah Persekutuan Labuan Jawatankuasa Perunding hal Ehwal Wanita Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Tingkat 1, Bangunan Tong Kah Wah Peti Surat 81124 87021 Wilayah Persekutuan Labuan 10. Negeri Sembilan - Ditubuhkan pada tahun 1993 Pusat Khidmat Wanita Negeri Sembilan Jawatankuasa Perunding hal Ehwal Wanita Peringkat Negeri Sembilan d/a Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan Tingkat 1, Bolk B, Wisma Negeri Jalan Dato' Abdul Malek 70000 Seremban, Negeri Sembilan

